

Parlimen: Kerajaan Sedar Kehendak Rakyat Tambah Baik Sistem Pengangkutan Awam Lembah Klang
Bernama
25 September, 2012

KUALA LUMPUR, 25 Sept (Bernama) -- Kerajaan sedar akan kehendak rakyat untuk menambah baik sistem pengangkutan awam di Lembah Klang dan kini 10 projek utama pengangkutan awam sedang dikaji dan dilaksanakan, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan di Dewan Rakyat, Selasa.

Katanya projek tersebut adalah penambahbaikan perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu, penambahbaikan sistem monorel dan sambungan jajaran monorel dari Kuala Lumpur Sentral ke Taman Gembira.

"Projek lain adalah MRT laluan dari Sungai Buloh ke Kajang, sepanjang 51km dengan 31 stesen dan dijangka siap pada 2016 dan sambungan jajaran LRT dari Kelana Jaya ke Putra Heights sepanjang 17km dengan 13 stesen yang dijangka siap tahun 2014.

"Sambungan jajaran LRT dari Seri Petaling ke Putra Heights (17.7km) dengan 12 stesen dijangka siap pada 2014, Bus Rapid Transit (BRT) dari Kuala Lumpur ke Klang (33km) dengan 25 stesen bas dan dijangka siap akhir tahun 2014 serta BRT dari Setia Jaya ke Persiaran Subang, Sunway (5.5km) dengan tujuh stesen bas.

"Projek yang sedang berada di peringkat kajian adalah MRT Laluan 2 yang dijangka sepanjang 29km dengan 22 stesen serta MRT Laluan 3 yang dijangka 36km dengan 24 stesen," katanya ketika menjawab soalan Teresa Kok (DAP-Seputeh) di Dewan Rakyat di sini Selasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697067>